



مجلس قريندارن كوالا كغسار

MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

Wisma MPKK, Jalan Sultan Nazrin Shah, 33000 Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan

Tel. : 05-776 3199 / 05-776 8199 • Faks : 05-777 3199 / 05-776 1004 • Emel : pentadbiran@mpkkpk.gov.my

Ruj. Tuan : KUDR/TNBB/B/11/24/0115 (15)
Ruj. Kami : Bil (6) dlm. MPKK / KJ / 60 - 2024
Tarikh : 16 Januari 2025
16 Rejab 1446

Koridor Utiliti Darul Ridzuan,
B-G-9 & B-G-11,
Greentown Suria,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said,
30450 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.
(u.p : Hasnita Binti Musa@Amindollah)

Tuan,


BEKALAN ELEKTRIK KE CADANGAN MEMBINA 3 UNIT KILANG DI ATAS LOT 15621, 15622 DAN 15623, MUKIM SUNGAI SIPUT (U), DAERAH KUALA KANGSAR, PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK TETUAN MLC TRADING SDN. BHD.

- Per : Permohonan Permit Pengorekan Jalan bagi Cadangan Rentangan Kabel TNB

Dengan segala hormatnya saya tuan dan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar tiada halangan terhadap permohonan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

- Pihak tuan perlu mengalihkan segala bahan binaan milik tuan dan menanggung segala kos pengalihan tersebut jika pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar akan melaksanakan kerja-kerja pelebaran jalan yang melibatkan binaan milik tuan kelak.
- Pihak tuan perlu menyediakan pelan detail pembinaan yang akan dijalankan serta pelan tapak mengikut jarak tiang ke tiang.
- Pihak tuan hendaklah menurap kembali jalan sediaada mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam tempoh 2 minggu dan menanggung segala kos tersebut sekiranya terdapat kerja-kerja pemotongan jalan sediaada. (Pihak kontraktor tuan perlu menghantar kaedah pelaksanaan di tapak 'Method of Works' kepada Majlis Perbandaran Kuala Kangsar sebelum kerja dilaksanakan).
- Pemohon perlu menjelaskan bayaran permit meletak bahan binaan sebanyak RM 800.00 dan wang proses korek jalan sebanyak (RM 100.00 x 250 meter persegi X 0.5 meter = RM 12,500.00) kepada MPKK di atas nama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan wang ini tidak akan dikembalikan.
- Kawasan hendaklah sentiasa bersih dan tiada sisa bahan binaan yang masuk ke dalam longkang bersebelahan sepanjang kerja-kerja binaan dijalankan. Sisa binaan hendaklah diletakkan di dalam bekas yang sesuai dan dipindahkan ke tempat pembuangan yang dibenarkan.
- Menyediakan papan tanda keselamatan yang mencukupi semasa kerja-kerja sedang dijalankan dan kerja-kerja yang ditinggalkan pada waktu malam. Sekiranya berlaku sebarang kemalangan sepanjang tempoh pembinaan pihak MPKK tidak akan bertanggungjawab diatas kejadian tersebut.
- Membaiki harta awam seperti pokok-pokok, siarkaki dan lain-lain yang menjadi milik MPKK yang terlibat dengan projek tuan serta menyelesaikan segala tuntutan berkaitan.



PENSIJILAN MS ISO 9001:2015
NO. SIJIL: QMS03180



PEMENANG ANUGERAH
PERAK AIGA
TAHUN 2023

Ruj. Tuan : KUDR/TNBB/B/11/24/0115 (15)
Ruj. Kami : Bil (6) dlm. MPKK / KJ / 60 - 2024
Tarikh : 10 Januari 2025
10 Rejab 1446

- e) Membaiki harta awam seperti pokok-pokok, siarkaki dan lain-lain yang menjadi milik MPKK yang terlibat dengan projek tuan serta menyelesaikan segala tuntutan berkaitan.
- f) Pihak Majlis Perbandaran Kuala Kangsar berhak menuntut ganti rugi sekiranya terdapat apa-apa keperluan dan kesan daripada projek yang dilaksanakan di atas.
- g) Pemohon bertanggungjawab terhadap keselamatan pengguna jalan raya semasa kerja-kerja dalam pelaksanaan.
- h) Pemohon perlu mengemukakan laporan bergambar sebelum, semasa dan selepas kerja dilaksanakan.
- i) Pemohon perlu mendapat pengesahan daripada Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar setelah jalan yang dikorek dan ditampal.
- j) Satu lawatan tapak perlu diadakan bersama MPKK sebelum kerja dilaksanakan dan kerja binaan siap sepenuhnya.

3. Segala tindakan susulan dari pihak tuan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih,

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Kuala Kangsar Bandar Diraja, Bandar Warisan Budaya"

Saya yang menandatangani amanah,

(DR. SAKDUDDIN BIN ZAMLI)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Kuala Kangsar.

"PERAK SEJAHTERA 2030"